

10 SEP 2001

Asean-Pujian

DR MAHATHIR, LEE KUAN YEW ANTARA PEMIMPIN AGUNG ASIA

Oleh: Tham Choy Lin

SINGAPURA, 10 Sept (Bernama) -- Berwawasan dan revolusioner -- inilah

ciri-ciri terpuji pada Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad dan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew yang malam ini dianugerahkan Anugerah Pencapaian Milenium Asean.

Kedua-dua pemimpin itu disenaraikan bersama pemimpin-pemimpin terkemuka

Asia di abad ke 20, seperti Mahatma Gandhi, Mao Tse Tung dan Deng Xiao

Ping, menurut kata-kata pujian bagi dua pemimpin itu yang diraikan pada

satu majlis makan malam eksklusif oleh Forum Perniagaan Asean (ABF).

Kedua-dua pemimpin itu dipilih bagi anugerah itu kerana peranan mereka

dalam membawa perubahan dinamik di negara masing-masing dan sumbangan

kepada rakan-rakan dalam Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (Asean).

Setiausaha Agung Asean Rudolfo Severino dalam perutusannya berkata,

pemilihan dua pemimpin itu adalah patut.

"Sumbangan berharga mereka kepada rantau telah membolehkan masyarakat-masyarakat kita menghadapi alaf baru dengan penuh keyakinan dan harapan," kata Severino.

Pujian bagi Dr Mahathir dibacakan oleh warga Profesor Singapura, Arthur

Lim, seorang pakar mata dan bekas rakan kolej Perdana Menteri semasa melanjutkan pengajian dalam bidang perubatan, di sini.

"Mereka semuanya revolusioner 'tidak munasabah' - didorong oleh impian

mustahil, memiliki wawasan yang tidak munasabah, komited kepada apa yang

dengan jelas tidak boleh dilakukan," kata Prof Arthur Lee.

Dr Mahathir dianggap bukan sahaja sebagai pemimpin agung Malaysia di

abad ke 20 tetapi juga "Melayu agung sejak 500 tahun lepas".

Di bawah Dr Mahathir, Malaysia keluar daripada pengabdian terhadap

penjajahan dan apa yang dianggap sebagai "ini tak boleh, itu tak boleh,

semua tak boleh" menjadi "Malaysia Boleh", menurut pujian itu.

"Di bawah pengawasan beliau dan buat pertama kali dalam sejarah, kumpulan penduduk berbilang etnik, berbilang agama dan berbilang budaya

akhirnya telah menjadi sebuah negara."

Kata-kata pujian itu juga menunjukkan yang sejak 30 tahun lepas, 20 tahun di bawah Dr Mahathir, Malaysia telah muncul sebagai juara dunia dalam pembasmian kemiskinan menurut statistik Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Dr Mahathir, 76, dipuji kerana mengubah Malaysia daripada sebuah negara pertanian menjadi ekonomi perindustrian keempat terbesar di dunia.

Permodenan Dr Mahathir bukan berada di penghujung tetapi "akan berterusan lama selepas beliau tiada lagi bersama kita," menurut kata-kata pujian itu.

Lee, 78, yang merupakan Perdana Menteri Singapura selama 31 tahun sebelum berundur pada 1990, dipilih kerana kualiti kepimpinan politik beliau, sikapnya yang tidak bertolak ansur dengan rasuah dan bagaimana beliau membawa negara pulau yang kecil itu mengatasi pelbagai halangan.

"Beliau bertindak berdasarkan pada nilai-nilai teras, prinsip asas dan kepentingan negara. Beliau tidak terikut-ikut dengan kepentingan ataupun ketepatan politik," menurut kata-kata pujian bagi pemimpin Singapura itu yang dibacakan oleh Pengarah Eksekutif Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) Datuk Michael Yeoh.

Duit syiling peringatan yang diperbuat daripada emas dan perak membawa profil dua pemimpin itu juga dikeluarkan oleh Singapura sempena majlis anugerah itu. Hasil daripada jualan akan disalurkan untuk "program pembelajaran globalisasi" bagi penuntut-penuntut kedua-dua negara.

Maklumat mengenai duit syiling itu boleh didapati di [www.mint.com.sg](http://www.mint.com.sg)

-- BERNAMA

TCL PR